

24 DEC 1999

Mahathir-Krismas

KRISMAS TERAKHIR ABAD INI LEBIH BERMAKNA, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Krismas yang terakhir abad ini lebih bermakna kerana ia dapat disambut dalam keadaan Malaysia bebas daripada kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini sejak 1997.

Dalam perutusan Hari Krismas kepada penganut Kristian, Perdana Menteri berkata ini menjadikan sambutanannya lebih meriah dan istimewa lagi sempena menyambut kedatangan alaf baru.

Katanya Malaysia berjaya mengatasi serangan pihak asing ke atas matawang dan pasaran saham dengan cara tersendiri, dengan memperkenalkan kawalan matawang dan pasaran modal yang dapat mempertahankan ekonomi negara daripada dimanipulasi oleh pedagang matawang dan spekulator asing yang tamak.

"Walaupun ramai yang menyangkal kebolehan kita, tetapi kita telah membuktikan dengan keyakinan, kita boleh berjaya di dalam apa sahaja yang kita lakukan.

"Kita harus bangga dengan kebolehan kita. Kita tidak perlu pada campurtangan orang asing untuk menunjuk ajar atau menentukan nasib kita," katanya.

Dr Mahathir berkata berkat sokongan padu rakyat, kerajaan akan terus berusaha untuk menentukan kejayaan dan kemajuan negara serta menghalang segala usaha dan tindakan untuk menghancurkan kejayaan yang telah Malaysia capai.

"Kita harus bersyukur dan mengambil iktibar kerana rakyat Malaysia secara keseluruhannya tidak terperangkap dengan perkara yang tidak diinginkan," katanya merujuk kepada kehancuran sesetengah negara akibat krisis ekonomi di rantau ini dan rusuhan akibat berlainan agama.

Beliau berkata di Malaysia perayaan Krismas disambut dengan gembira dan meriah kerana keharmonian antara rakyat berbilang kaum dan agama tetap kukuh dan tidak terjejas sedikitpun oleh kegawatan ekonomi.

"Ternyata dasar kerajaan mengambil langkah mengurangkan jurang perbezaan pembangunan antara kaum telah berjaya mengurangkan kemungkinan perhubungan antara kaum terjejas disebabkan ketidakseimbangan tahap ekonomi apabila negara dilanda krisis," katanya.

Sambil menggalakkan rakyat saling kunjung-mengunjungi antara satu sama lain untuk mengeratkan hubungan dan mengekalkan keharmonian, Perdana Menteri berkata walaupun umat Islam sedang berpuasa dan tidak dapat menikmati hidangan, namun mereka masih boleh melawat sahabat handai yang menyambut Krismas.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyertai Dr Mahathir mengucapkan selamat menyambut Krismas.

-- BERNAMA

MNY RON